

# **Kolej Pertanian Malaya dinaik taraf menjadi UPM**

PADA 8 Julai 1973, *Utusan Malaysia* melaporkan Sultan Selangor dilantik menjadi Canselor pertama Universiti Pertanian Malaysia (UPM), manakala Menteri Teknologi Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan dilantik menjadi salah seorang Pro-Canselor universiti berkenaan.

Pelantikan berkenaan telah diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong, demikian pengumuman yang dibuat oleh Menteri Pelajaran, Tun Hussein Onn. Mulai tahun depan, kolej yang ditubuhkan pada tahun 1925 itu akan dinaik taraf ke Universiti Pertanian Malaysia.